

# **PERSOALAN HIJAB DALAM KALANGAN WANITA MUSLIM: SATU TINJAUAN LITERATUR**

Mohd Roslan Mohd Nor  
Nurul Khairiyah Mohd. Sa'aid  
Jabatan Sejarah dan Tamadun Islam, Akademi Pengajian Islam,  
Universiti Malaya, Kuala Lumpur  
*m\_roslan@um.edu.my*

## **Pengenalan**

Kedatangan era abad ke-21 ini melihat hijab telah menjadi satu isu yang hangat diperkatakan di peringkat antarabangsa dari Barat ke Timur, dan dari Asia Tengah ke Asia Tenggara. Khususnya, para pengkaji dan pengkritik Barat yang melihat isu ini daripada sudut kacamata mereka, yang kemungkinan bias, tidak adil dan prejudis terhadap wanita Islam yang memakai hijab.

Perlu diketahui, hari ini, ulama dunia Islam juga, mengkritik dan berhujah berkenaan dengan wajib atau tidak wajibnya berhijab atau memakai niqab bagi wanita Islam. Malah, ia telah bertukar menjadi perdebatan antara ulama-ulama Islam<sup>1</sup>. Sudah tentu, kewajipan berhijab telah datang dari ayat-ayat Al-Quran adalah jelas<sup>2</sup>. Malangnya, terdapat juga dalam kalangan penyelidik wanita yang mengaku sebagai beragama Islam, secara terbuka mengatakan bahawa kewajipan hijab itu adalah perkara yang diada-adakan. Hijab adalah penghalang kepada pergerakan sosial dan masyarakat, diskriminasi, tekanan dan penyebab kemunduran dalam pelbagai aspek kehidupan seorang wanita Islam<sup>3</sup>.

---

<sup>1</sup> Muhammad Naseruddin Al-Albani (1994); "*Jilbab Al-Mar'ah Al-Muslimah fi Al-Kitab wa As-Sunnah*"; Al-Maktabah Al-Islamiyyah Dar Ibn Hazm, Beirut.

<sup>2</sup> Al-Qur'an, surah An-Nurr ayat 30-31 dan Al-Ahzab ayat 59.

<sup>3</sup> Beliau adalah Irshad Manji seorang penulis berbangsa Kanada, wartawan dan seorang peguam bela tafsiran "pembaharuan dan progresif" Islam yang telah menulis banyak buku kontroversi mengenai Islam seperti buku terlarisnya yang berjudul "*The Trouble with Islam Today : A Muslim's Call For Reform In Her Faith*" yang telah diterbitkan ke 30 buah negara termasuk Lubnan, Indonesia, Pakistan dan India dan bukunya yang bertajuk "*Allah, Liberty and Love: The Courage to Reconcile Faith and*

Mendalami, memahami dan menghayati konsep hijab dan segala masalah yang berkaitan dengannya, adalah asas pengetahuan kepada melaksanakan perintah Allah SWT ini dalam melengkapkan diri untuk menjadi seorang muslim yang sejati. Justeru, pemahaman dan pengertian yang jelas sangat perlu yang bertujuan untuk menghapuskan segala keraguan dan fahaman serong golongan tertentu yang cuba memaparkan unsur-unsur negatif dengan tujuan tertentu berhubung dengan persoalan ini<sup>4</sup>.

Kemusykilan hijab dan permasalahannya yang berhubung dengan wanita dapat difahami dengan merujuk kembali fakta-fakta sejarah hijab yang wujud dalam bangsa-bangsa dan agama-agama terdahulu sebelum Islam, pandangan daripada 'ulama Islam terdahulu dan kini, sumber utama al-Qur'an, seterusnya melalui Tafasir dan Ahadith, juga daripada sumber-sumber lain yang relevan.

### **Isu Pemakaian Hijab**

Perlaksanaan dalam pemakaian **HIJAB** yang diwajibkan Allah SWT ke atas muslimah telah lama dijadikan isu panas terutama sejak 20 tahun yang lalu<sup>5</sup> yang dikontroversikan dan dipersulitkan oleh orang bukan Islam baik orang Islam itu sendiri. Kurangnya kefahaman, tiada

---

*Freedom*" yang mencetuskan pertikaian dengan kehadirannya di Malaysia pada tahun 2012. Beliau juga adalah 'Director of the Moral Courage Project at New York University's School of Public Service', senior fellow with the European Foundation for Democracy yang menggalakkan hak asasi manusia sejagat dan kebebasan yang memiliki kesedaran- The Huffington Post : January 9, 2013; <https://www.irshadmanji.com/>. Selain ini, sila rujuk kepada tulisan Mohd Aizam Mas'od, Seksyen Aqidah, Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Jakim menjawab kepada pluralisme dan liberalisme yang dibawakan oleh Manji:

[http://www.islam.gov.my/sites/default/files/kerancuan\\_pemikiran\\_irshad\\_manji\\_dalam\\_bukunya\\_allah\\_kebebasan\\_dan\\_cinta.pdf](http://www.islam.gov.my/sites/default/files/kerancuan_pemikiran_irshad_manji_dalam_bukunya_allah_kebebasan_dan_cinta.pdf).

<sup>4</sup> Trisha M.Dunkel, Denise Davidson, Shaji Qurashi (2009), "*Body satisfaction and pressure to be thin in younger and older Muslim and Non-Muslim women: The role of Western and Non-Western dress preferences.*"- United States: Loyola University Chicago.

<sup>5</sup> Tabassum F.Ruby (2005), Julia Droeber (2003), Women's Studies International Forum, ms: 409-424, Brigette Jelen (2011), "*Educated, Independent, And Covered: The Professional Aspirations And Experiences Of University Educated Hijabi In Contemporary Turkey*". Women's Studies International Forum , 308-319.

kefahaman ataupun tersalah faham<sup>6</sup> antara penyebab segala kesulitan kepada wanita Islam dalam memahami makna sebenar hijab apalagi mengamalkannya. Setelah penulis meneliti masalah hijab ini, penulis mendapati boleh dikatakan di keseluruhan tempat atau negara di dunia ini mengalami konflik hijab, niqab, burqa' atau apa jua nama diberikan berdasarkan bentuk pemakaian wanita. Sebagai contoh negara-negara di Barat seperti Amerika, Britain, Perancis, Australia, Denmark dan Jerman yang mana merekalah yang membangkitkan, merumitkan, menyukarkan dan mengisukan hijab wanita Islam ini<sup>7</sup>. Terutama apabila mereka mengaitkan pemakaian hijab di abad ke-21 ini dengan dunia yang semakin moden dan maju sebagai menentang kebebasan dan hak asasi wanita<sup>8</sup> dan menjadikan kewajiban hijab ini menjadi satu perkara yang lebih sukar dan tidak relevan untuk dipraktikkan masakini khususnya<sup>9</sup>.

Mereka menuduh wanita Islam yang berhijab sebagai simbol terrorisme dan mengancam keselamatan dan keamanan negara mereka. Maka berlakulah diskriminasi, prejudis dan ditambah lagi dengan isu "Islamophobia" selepas kejadian 9/11-2001 di Amerika dan 7/7-2005 di United Kingdom<sup>10</sup> dalam banyak hal dan menyukarkan kehidupan wanita Islam di Barat khususnya.<sup>11</sup> Kenyataan yang dibuat oleh Will Cummins

---

<sup>6</sup> Tabassum F.Ruby (2005), "*Listening to the voices of Hijab*", Canada, Toronto, Department of Women's Studies, York University.

<sup>7</sup> Sagy Maayan (2008), "*Islam and the European Legal Systems : The Headscarf Debate In France And Germany As A Case Studies*", Helmut Kohl Institute for European Studies, The Hebrew University of Jerusalem.

<sup>8</sup> Naseem Akhtar Hussain (2010), "*Religion and Modernity: Gender and Identity Politics in Bangladesh*", Women's Studies International Forum, ms:325-333, Julia Droeber (2003), Anne-Marie Hilsdon, Santi Rozario (2006).

<sup>9</sup> Santi Rozario (1999), "*On Being Australian And Muslim: Muslim Women As Defenders Of Islamic Heritage.*" Department of Sociology and Anthropology, University of Newcastle, Australia.

<sup>10</sup> Ssenyojo, M. (2007), "*The Islamic Veil and Freedom of Religion, The Rights to Education and Work. A Survey of Recent International and National Cases.*", Oxford University Press, 653-710.

<sup>11</sup> Ake Sander (2006), Kaye Haw (2009), "*From Hijab To Jilbab And The Myth Of British Identity : Being Muslim In Contemporary Britain A Half Generation On*", University of Nottingham, UK-Race Ethnicity And Education dan Haleh Afshar (2007), "*Can I see your hair: Choice, Agency And Attitudes : The Dilemma Of Faith And Feminism For Muslim Women Who Cover*", Journal of Ethnic and Racial Studies.

di dalam media suratkhbar *The Sunday Telegraph* 25July 2004, membuktikan kebenaran ini:-

*"All muslims, like all dogs, share certain characteristics. A dog is not the same animal as a cat just because both species are comprised of different breeds. An extreme Christian believes that the garden of Eden really existed: an extreme Muslims flies planes into buildings- there's a big difference."*

Memetik ulasan daripada sumber media mereka yang lain seperti *The Guardian* 8 December, 2001 berkata:-

*"With the rapid rise of a virulent new form of Islamophobia, women who cover find themselves at the heart of the hatred and are targeted both in the media and in the public domain at large. According to one estimate after September 11th there were an average of 3.8 attacks a day on Muslims, mainly women.....many of the violent assaults- hammer attacks, petrol bombs- remained unreported to."<sup>12</sup>*

Apa yang pelik dan menarik ialah dalam masa yang sama mereka melaung-laungkan dan mempertahankan hak-hak kemanusiaan dan kebebasan individu. Dengan melarang mereka dari memasuki alam persekolahan dengan berhijab seolah-olah menguatkan lagi kenyataan bahawa hijab menggalakkan kemunduran, menyokong fundamentalisme, kekolotan, keterbelakangan, menghalang pendidikan dan menentang kemajuan duniawi<sup>13</sup>. Semua ini adalah tohmahan-tohmahan Barat terhadap Islam dan Muslim.

Tidak ketinggalan isu hijab ini juga dikaji dan dibahaskan di negara-negara di Timur dan Timur Tengah seperti Mesir, Jordan<sup>14</sup>, Turki dan

---

<sup>12</sup> Haleh Afshar (2007), *"Can I see your hair : Choice, Agency And Attitudes : The Dilemma Of Faith And Feminism For Muslim Women Who Cover"*, *Journal of Ethnic and Racial Studies*, m.s: 11 dan19.

<sup>13</sup> Alon Harel (2007), *"Regulating Modesty-Related Practices"*, *Law and Ethics of Human Rights*, m.s: 29.

<sup>14</sup> Julia Droeber (2003), *"Woman to Woman- The Significance of Religiosity for Young Women in Jordan"*, vol. 26, No. 5, 409-424- *Women's Studies International Forum*.

Iran<sup>15</sup>. Bagi negara Asia Tenggara antaranya seperti Thailand, China, Bangladesh, Malaysia dan Indonesia<sup>16</sup>.

Apa yang berlaku di negara-negara lain seperti diskriminasi dan prejudis terhadap hijab, mungkin di Malaysia tidak berlaku secara terang-terangan. Apa yang menjadi isu di sini apabila kita melihat fenomena muslimah di Malaysia dilihat dengan pakaian yang menutupi kepala/tudung tetapi masih belum menepati tuntutan hijab Islami. Fenomena inilah yang boleh dikaji terhadap wanita Islam di Malaysia untuk mengetahui dan mengukur tahap kefahaman dan kesedaran mereka, pandangan dan persepsi cabaran dan masalah yang mereka hadapi. Kebanyakan wanita ini menutup kepala dan rambutnya, namun apa yang digariskan oleh Islam yang termaktub di dalam Al-Qur'an belum dilaksanakan dengan sesempurna mungkin. Ini mungkin kerana kesilapan dalam memahami konsep hijab yang bukan hanya mencukupi dengan menutup kepala mereka dengan sehelai kain. Akan tetapi, memakai pakaian yang menampakkan bentuk badan yang jelas kelihatan dan cara berpakaian yang menjolok mata beserta solekan dan wangian yang menarik perhatian kaum lelaki sudah tentunya belum memenuhi tuntutan syariat wajib berhijab buat wanita Islam.

Lebih teruk lagi, hijab berpakaian mungkin telah menepati syariat, sedihnya hijab dalam pergerakan dan pergaulan tidak terjaga. Kerana itulah, kita mendapati gejala-gejala masalah sosial seperti rogol, pergaulan bebas, zina, lari dari rumah mengikut teman lelaki dan gangguan seksual berleluasa dalam masyarakat Islam Malaysia dewasa ini<sup>17</sup>. Sedangkan masalah pemakaian "hijab" ini telah lama wujud dan diamalkan oleh pengikut-pengikut agama samawi Ibrahimi iaitu Yahudi

---

<sup>15</sup> Dissertasi bagi memenuhi syarat untuk mendapatkan degree of Master of Science, Sara Javadi Faraz (2008), "*The History and the Politics of the Hijab (veil) in Iran*", Universiti Putra Malaysia.

<sup>16</sup> Ruliana (2010, April 10), "*Motivasi Siswa Memakai Jilbab di Sekolah-SMA ISLAM KEPANJEN MALANG*". Diskripsi untuk memenuhi Sarjana Jurusan Pendidikan Islam (S.Pd.I), Malang, Indonesia : Universitas Islam Negeri Maulana Malik Ibrahim Malang.

<sup>17</sup> Sila rujuk, [http://www.jais.gov.my/index.php?option=com\\_content&task=view&id=98&Itemid=1](http://www.jais.gov.my/index.php?option=com_content&task=view&id=98&Itemid=1).

Dalam laman sesawang ini, JAIS telah menggariskan dan menjelaskan makna 'aurat wanita dan lelaki, pakaian dan 'aurat wanita dalam Islam, golongan 12 yang mahram buat wanita, perhiasan menurut Imam Syafie, pembahagian 'aurat dalam situasi yang berbeza dan sebagainya.

dan Masihi<sup>18</sup> dan Islam penyempurna segala aturan dan perintah-perintah Ilahi sebelumnya. Sebagaimana Ali ibni Abi Talib r.a. menegaskan; **"Hifzuddin thamaratul makrifah wa ra'sul hikmah"** iaitu menjaga agama adalah hasil dari Makrifah dan ketua segala hikmah<sup>19</sup>.

Kesedaran dan penghayatan dalam beragama ketika melaksanakan setiap suruhan Allah SWT adalah hasil dari makrifah dan pengetahuan<sup>20</sup>. Apabila hijab dan segala permasalahannya diamalkan tanpa ragu dan paksaan atau ikutan dari sesebuah masyarakat atau tempat, kejayaan sebenar dalam pemahaman hijab akan tercapai<sup>21</sup> dalam kalangan seluruh masyarakat Islam. Sebab dan faktor sejarah menunjukkan sesuatu kaum atau bangsa yang mengerjakan sesuatu pekerjaan tanpa makrifah dan mengetahui tujuan, asas, dalil dan falsafahnya akan tumbang seperti yang terjadi ke atas kejatuhan Empayar besar Yunani<sup>22</sup> yang dikatakan runtuh disebabkan oleh kerosakan moral wanita mereka.

### Hijab Dalam Tinjauan Literatur

Sudah tentunya sebelum ini sudah banyak penulisan dan penyelidikan mengenai hijab dan wanita boleh ditemui dalam berbagai bentuk untuk

---

<sup>18</sup> "Katakanlah (Wahai Muhammad): "Kami beriman kepada Allah, dan kepada apa Yang telah diturunkan kepada kami, dan kepada apa Yang telah diturunkan kepada Nabi-nabi: Ibrahim, dan Ismail, dan Ishak, dan Yaakub, dan keturunannya, dan kepada apa Yang telah diberikan kepada Nabi-nabi: Musa dan Isa, dan sekalian Nabi-nabi dari Tuhan mereka. Kami tidak membeza-bezakan seseorang pun di antara mereka, dan kepada Allah jualah Kami berserah diri (Islam)". (Surah Ali 'Imran: 84)

<sup>19</sup> Dipetik dari buku ;"Pajuhesh amre beh makruf va nahyi az munkar az negahe Qur'an va Revayat"(kajian amar makruf nahi munkar dari pandangan Qur'an dan Riwayat-riwayat)-Muhammad Ishaq Mas'udi (2002).

<sup>20</sup> Imam Nawawi berkata; "Kesempurnaan iman itu adalah dengan amal perbuatan dan juga ketaatan." Ibnu Hajar juga mengatakan cabang-cabang iman terdiri dari amal-amal hati, lisan dan juga amal perbuatan anggota tubuh...dan amal perbuatan anggota tubuh meliputi 38 sifat, antaranya ada yang khusus dengan benda dan jumlahnya adalah 15 sifat termasuk...menutup 'aurat..' - Syarah Sahih Muslim; jld 1; m.s: 192.

<sup>21</sup> Surah Asy-Syu'ara, ayat: 74; "Bal wajaadna aabaana kazalika yuf'alun" juga Surah Az-Zukhruf, ayat: 22-23, "Inna wajaadna aabaana 'ala ummatin wa ana 'ala aatharihim muqtadun."

<sup>22</sup> As-Siba'ee(2003), *Al-Mar'ah bayna al-feqh wa al-Qanun*, m.s: 11-12- Kaheerah, Darussalam.

dijadikan rujukan bagi menjalankan kajian ke atasnya. Dari Al-Qur'anlah titik permulaan pengkajian tentang hijab kerana masalah hijab ini adalah tuntutan dan perintah Allah SWT yang wajib seperti solat, haji, puasa dan lain-lain ke atas seluruh wanita Islam<sup>23</sup>. Ia juga dikaitkan dengan agama dan keagamaan seseorang itu.<sup>24</sup>

Dalam artikel "*Women to women - The Significance of Religiosity for Young Women in Jordan*" oleh Julia Droeber (2003), cuba memberikan pendekatan mengenai berkembangnya agama Islam dan perbincangan mengenai Islam yang semakin berleluasa di kalangan penduduk di Timur Tengah umumnya dan diantara wanita-wanita mereka khususnya. Misalnya di **Jordan**, bahang perkembangan Islam yang tidak dapat dinafikan oleh kedua-dua agama iaitu Islam dan Masihi. Pendekatan kajian yang diambil penulis ialah dengan menggunakan kaedah observasi dan temubual dengan lepasan dan penuntut-penuntut universiti dan kolej ketika itu dalam dan di luar Bandar Amman seramai 30 orang Muslim dan 10 orang Masihi (Kristian).

Penulis menekankan bahawa wanita-wanita muda di Jordan sangat menitikberatkan masalah agama dan keagamaan dari golongan pertengahan hinggalah ke golongan atasan yang berpelajaran. Beliau mendapati walaupun wanita-wanita Muslim dan Masihi mempunyai aqidah keagamaan yang menebal, mereka juga tidak memandang tempat, etnik, usia dan pangkat di tengah-tengah masyarakat wanita di Timur Tengah yang lain. Tetapi, beliau juga melihat dalam perspektif yang berbeza bagaimana usul-usul aqidah agama Islam dan Kristian ortodok yang mengatasi agama yang lain, masih mendiskriminasi pengikut-pengikut wanita mereka. Dan berapa ramai kaum wanita ini memanipulasikan sistem keagamaan mereka untuk memberikan kekuatan ke atas diri mereka.

Di dalam artikel ini, beliau berusaha menunjukkan bahawa wujudnya jurang perbezaan yang besar antara Islam dan Masihi dalam pegangan dan amalan seharian mereka. Penulis mendapati adanya

---

<sup>23</sup> [http://www.jais.gov.my/index.php?option=com\\_content&task=view&id=98&Itemid=1](http://www.jais.gov.my/index.php?option=com_content&task=view&id=98&Itemid=1)

<sup>24</sup> Julia Droeber (2003), Eric Dolansky, Ilan Alon (2008), - "*Religious freedom, religious diversity and Japanese foreign direct investment.*", Richard Bonney, (2004) - "*Reflections on the Differences between Religion and Culture*", Naseem Akhtar Hussain, (2010), - "*Religion and Modernity: Gender and Identity Politics in Bangladesh*", Brigitte Jelen, (2011) - "*Educated, independent and covered: The professional aspirations and experiences of university-educated hijabi in contemporary Turkey*".

perbezaan latarbelakang tahap kehidupan penduduk Jordan dari segi luar dan dalam Bandar yang kebanyakkan mereka 50% - 60% berasal dari Palestin.

Beliau juga menulis untuk membezakan seorang itu Muslim atau Masihi bolehlah jelas dilihat dari segi pemakaian (hijab) mereka. Dalam tulisannya, beliau membezakan cara sebahagian responden Muslim dan Masihi dalam mempraktikkan ajaran agama mereka. Bagi mendapatkan keterangan yang lebih jelas, beliau memperhatikan secara langsung tentang cara dan gaya seharian kehidupan wanita Muslim dan Masihi ini. Antaranya, cara berpakaian, akhlak dan bukti-bukti lain seperti kitab suci mereka, amalan mengerjakan solat, puasa dan majlis-majlis keagamaan lain.

Setelah mengkaji dengan mendalam beliau mengambil natijah; banyak persamaan antara pengamal beriman seorang Muslim dan Masihi bukan seperti yang digembar-gemburkan sebelum ini. Mereka (Muslim dan Masihi) sepakat mengatakan agama menyebabkan seseorang insan itu berasa tenang, selamat, ikhlas, memberi dan menambah keyakinan diri dan menjadi seorang yang bersyaksiyyah tinggi. Agamalah yang membentuk kelakuan setiap individu dan Tuhanlah yang mengajar mereka supaya saling sayang menyayangi dan membalasnya dengan hormat-menghormati sesama mereka.

Artikel seterusnya, "***Religion and Modernity: Gender and Identity Politics in Bangladesh***" oleh Naseem Akhtar Hussain (2010) juga mengkaji tentang perkembangan yang meluas Islam di **Bangladesh**. Penulis sebagai seorang pensyarah di salah sebuah universiti tempatan mempersoalkan adakah seorang wanita yang mempraktikkan agama tradisi Islam mereka contohnya berhijab tetapi dalam masa yang sama tidak menolak kemodenan? Beliau menerangkan fenomena ber" hijab" ini bukan sahaja menjadi perbincangan agama malah politik juga. Kerana ada parti politik yang menggunakan isu ini untuk mendapatkan undi dari rakyat yang sensitif tentang masalah agama dan keagamaan.

Oleh kerana Bangladesh sebuah negara yang majoritinya muslim, menekankan wanita mestilah mempertahankan pakaian tradisi Islam mereka iaitu "hijab" sebagai satu tanda budaya dan senjata menentang pengaruh arus kemodenan Barat. Sebahagian parti politik melihat kemodenan itu adalah tidak bermoral dan berbahaya, ada juga aktivis Islam lain yang menerima arus kemodenan ini dengan mengontrol impak-impak negatifnya melalui mencipta dan memperbaharui tradisi Islam mereka seiring zaman mereka.



Mereka mengalih arah hujjah untuk menjadikan Bangladesh sebuah Negara yang bermasyarakat dan berundang-undang moden, diperintah oleh golongan kelas pertengahan. Ada sebahagian kumpulan Islamis yang terpaksa bekerjasama dengan arus kemodenan dan keagamaan untuk memberikan keseimbangan antara satu sama lain supaya tidak di"buang" dari persaingan sengit pasaran dunia. Walaubagaimanapun, dalam masa yang sama mereka tetap menjaga nilai-nilai agama dan dari situlah mereka mempertahankan moral dan identiti mereka.

Bagi menunjukkan reaksi terhadap cara kemodenan Barat yang menjadikan tubuh wanita sebagai alat memuaskan nafsu, mereka mengarah wanita supaya memakai hijab di tempat awam sebagai sebuah imej wanita Islam yang moden.

Artikel ini juga menjelaskan bagaimana wanita terpaksa berhadapan dengan dua situasi, sebagai seorang yang moden dan dalam masa yang sama melaksanakan ajaran Islam mereka. Kerana itulah mereka terikat dengan politik dalam kehidupan harian mereka. Ia juga mempertikaikan gerakan perjuangan wanita telah melangkaui analisa seorang wanita sebagai satu-satunya mangsa kepada pembentukan sebuah ideologi.

Penulis juga menyebut, sistem sekular bertujuan memerangi Islam dengan meneutralkan situasi sosiopolitik, wujudnya petanda-petanda sebagai seorang Muslim contohnya hijab wanita muslim di tempat umum akan memecahkan prinsip-prinsip neutral dengan menjadikannya dikenali ramai. Malah, hijab juga membawa erti kemunduran, ketinggalan zaman, rasa bersalah, dominasi kaum lelaki dan tundukan wanita dengan paksaan. Oleh itu, untuk menjaga neutral sekular terus berkekalan, hendaklah dimansuhkan pemakaian hijab ini dari kawasan awam. Penulis juga mendapati dengan mengamalkan agama seseorang itu tetap tidak boleh mengurangkan ketidaksamaan lelaki dan wanita dalam kehidupan.

Beliau juga menerangkan bagaimana pemakaian hijab ini dikaitkan dengan tekanan ke atas wanita Islam dan dari situlah Islam dikenali sebagai terrorism. Penulis juga membezakan situasi hijab di Turkey, Iran dan Indonesia yang mana kesemuanya adalah lambang identiti seorang Islam.

Dalam artikel "*Special Issues on Islam, Gender and Human Rights*", (2006), Anne-Marie Hilsdon, Santi Rozario juga mengupas masalah hijab ini dengan mengaitkannya dengan hak wanita dan isu gender. Ia menegaskan bukan sahaja isu tentang tekanan lelaki ke atas wanita, akan tetapi wanita Islam itu sendiri yang memilih melaksanakan perintah agamanya yang semakin hari semakin ramai. Pilihan ini telah lama dikatakan ketinggalan dan mundur dari kaca mata Barat dan mereka

meneruskannya walau apa pun yang dikatakan oleh Barat dan wanita Barat dipandang sebagai kemajuan, moden dan bebas dari tekanan lelaki. Ini adalah antara sebab bilangan wanita muhajabah seluruh dunia semakin meningkat, semakin beragama dan bertaqwa di dunia Barat.

Penulis menulis adalah sukar wanita Islam hendak menerima dan mengekalkan identitinya sebagai Muslim yang baik dalam masa yang sama menerima kemodenan. Beliau juga mendapati, Islam seperti agama lain yang mempunyai pengikut ramai di dunia, mempunyai unsur dominasi lelaki ke atas wanita yang kuat, wujudnya perbezaan yang amat besar antara satu tempat ke tempat yang lain, ini bukanlah sahaja bergantung kepada faktor agama tetapi banyak faktor lain yang bersangkut-paut dengannya.

Antara yang dibahaskan penulis di sini ialah, selain mempersoalkan kenapa wanita muslim dan Islam itu sendiri sentiasa ditunjuk sebagai penentang hak asasi wanita, kenapa tidak agama lain? Adakah agama Yahudi, Masihi, Buddha dan Hindu lebih baik keadaannya dan tidak menekan dan melarang kebebasan wanita mereka dari Islam yang mengamalkan ketua segala perkara ialah lelaki dan wajib pemakaian hijab ke atas wanita muslim? Ini disebabkan oleh kedudukan wanita Islam yang khususnya adalah kompleks dan juga mudah dan ringan di dalam lingkungan dan konteks politik antarabangsa masakini.

Beliau juga menulis wanita yang memilih untuk mempunyai komitmen dengan gerakan dan nilai-nilai Islam, ini tidak bermakna mereka tidak lagi mengendahkan tentang hak-hak asasi manusia yang lain. Kerana komitmen terhadap gerakan Islam ini juga memberikan mereka mempunyai strategi yang efektif untuk memperolehi hak-hak mereka, contohnya pekerjaan bagi wanita di Iran, keselamatan peribadi di Bangladesh dan untuk mereka yang berhijrah di Malaysia. Keadaan sebegini adalah berbeza bentuk dan caranya mengikut sesebuah Negara.

Bagi wanita di Iran, mereka mendapat kemudahan untuk bekerja apabila mereka berhijab. Lain pula di Bangladesh, ini mungkin akan menghalang mereka dari bekerja.

Perkara yang tidak dapat dielak berlaku ialah Islam seluruh antarabangsa yang bersifat universal baru, digelar sebagai pergerakan Islam itu menggantikan kepercayaan dan amalan Islami tempatan didapati telah merebak ke seluruh kawasan dan budaya.

Artikel ini juga mewakili isu-isu istimewa yang melibatkan pendekatan meluas kepada akta-akta hak-hak asasi wanita Islam dalam konteks setiap hari dalam kawasan antara kawasan, tempatan, negeri dan

ruang antarabangsa dengan penghormatan untuk undang-undang kekeluargaan, pelajaran dan politik.

Bagi Norani Othman (2006), "*Muslim Women and the challenge of Islamic fundamentalism/extremism: An preview of Southeast Asian Muslim Women's struggle for human rights and gender equality*" beliau menjelaskan cabaran kumpulan Islamic fundamentalis yang memihak kepada hak-hak wanita Islam di kalangan masyarakat khususnya di Malaysia dimana kerajaan mula menunjukkan perhatian terhadap proses pengIslamannya dari tahun 1982 dan seterusnya.

Penulis memberitahu, ironiknya, tekanan untuk mendemokrasikan negara-negara Islam, telah membuka ruang kepada berbagai parti-parti politik berwajah Islam yang berpihak untuk memfokuskan penguasaan atas nama wanita dalam bertanding di medan politik dan perundangan Islam.

Beliau juga menulis wanita adalah musuh kepada kaum lelaki, meletakkan wanita di bawah tanggungjawab agama seorang lelaki, menyematkan kebanyakan dari pegangan fundamentalis Islam ke atas wanita. Akibatnya, poligami dan talak telah dijadikan mudah buat lelaki dan tanggungjawab kewangan lelaki ke atas wanita telah dikurangkan.

Pandangan sebegini terhadap wanita menjadikannya lebih diterima di Malaysia dari di tempat lain disebabkan oleh isu-isu identiti selepas dijajah oleh penjajah, mereka mewakili sebagai sebahagian daripada penentangan dari keaslian identiti budaya oleh penjajah masyarakat sebelumnya. Kesannya adalah sangat teruk menimpa ke atas wanita di Malaysia yang mana membawa kerosakan dan kesan negatif.

Penulis adalah anggota kumpulan "Sisters In Islam", yang banyak bekerja keras semenjak 10 tahun lalu untuk memberikan kesedaran awam dan mencabar para 'ulama dengan mendakwa kebenaran untuk bersuara dan menyediakan tempat awam bagi wanita. Dan aktivis wanita Islam di Malaysia juga bekerja untuk mencapai kepada persamaan gender, tapi dalam konteks yang lebih besar lagi mencari demokrasi untuk semua warganegara;-"kebebasan beragama, kebebasan dalam agama dan kebebasan dari agama."

Artikel lain yang berkaitan adalah "*Body satisfaction and pressure to be thin in younger and older Muslim and non-Muslim women: The role of Western and non-Western dress preferences*" (2009) tulisan Trisha M.Dunkel, Denise Davidson dan Shaji Qurashi. Penulis dalam kajiannya membuat perbandingan antara wanita Islam yang berhijab, wanita Islam yang tidak berhijab, tua atau muda dan wanita bukan Islam yang menetap di Amerika Syarikat mengenai kepuasan mereka terhadap

bentuk tubuh badan dan tekanan untuk mendapatkan standard kecantikan ala Barat (kurus - ideal). Ianya juga bergantung pada pegangan agama dan umur wanita tersebut samada sanggup tertekan untuk mengamalkan cara pemakanan tidak betul dan menahan lapar untuk kurus langsing atau mendapatkan kecantikan standard Barat yang ideal. Semuanya ini kembali kepada cara pemakaian mereka. Mereka mendapati kebanyakan wanita Islam memakai hijab sama ada jilbab, salwar-kameez dan niqab tanpa kekerasan dan paksaan malah dengan sepenuh hati mengamalkannya. Namun, Barat tetap berpendapat pakaian tradisi wanita Islam yakni hijab adalah mewakili kekerasan dan tekanan juga sebagai gambaran penentangan dan pertahanan diri dari perkembangan dan kemasukan budaya Barat.

Di dalam artikel *“Listening to the voices of Hijab”* oleh Tabassum F.Ruby (2005), pula mengkaji tentang konsep dan pengertian hijab di kalangan muslimah yang berhijrah ke Negara Canada. Mengikut pengkajian penulis, perbincangan ke atas hijab yang berterusan menjadikan isu ini menjadi semakin sulit dan kompleks. Fenomena baru hijab ini, yakni mempraktikkan pemakaian hijab, telah bermula sejak 20 tahun lalu, telah menyeluruh di kalangan muslimah tempatan dan global. Walaubagaimanapun bentuk dan hudud hijab masih dibahaskan oleh para ‘ulama dan responden-responden wanita yang menyertai dalam kajian temuramah untuk menyediakan artikel ini.

Tuduhan yang mengatakan muslimah yang berhijab seperti yang digembar-gemburkan oleh Barat ditekan dan menjadi mangsa korban kepada kaum lelaki Islam ditolak dengan menegaskan bahawa mereka memilih hijab dengan hati terbuka dan tanpa paksaan. Kerana, hijab adalah simbol akhlak masyarakat Islam, penegah dari berkelakuan tidak sopan, tuntutan agama, identiti Muslimah, memberi keyakinan dan memartabatkan kedudukan wanita dan memberi kebebasan serta kekuatan kuasa dari wanita Islam yang tidak berhijab dalam komuniti masyarakat Islam itu sendiri. Namun, Barat tetap dengan pandangan negatifnya mengatakan tradisi berpakaian hijab dilabelkan sebagai terrorist dan dari sudut lain menidakkan wujudnya moral dan etika Barat. Begitupun muslimah yang tidak mempraktikkan hijab tidak diketepikan, walaubagaimanapun mereka biasanya berhadapan dengan kritikan dan teguran dalam masyarakat Islam.

Artikel seterusnya *“On Being Australian and Muslim: Muslim Women as Defenders of Islamic Heritage”* oleh Santi Rozario (1999). Kajian ini secara khususnya tertumpu kepada muslimah yang menetap di Australia dalam mempertahankan agama Islam melalui pemakaian hijab

seterusnya menunjukkan kesetiaan dan ketaatan mereka dalam melaksanakan perintah Islam. Di sini terjadinya pertembungan antara perkembangan politik-agama dalam dunia Islam dan perkembangan terbaru politik antarabangsa diantara dunia Islam dan Barat. Wanita Islam terperangkap ditengah-tengah dan menghadapi cabaran juga tentangan. Penulis memulakan dengan pengenalan diikuti dengan kajian tentang Islam dan modernisasi. Kemudian penulis mengkaji tentang Islam di Australia dan mengenai wanita Islam Australia (kebanyakannya berbangsa Turki, Lubnan dan Pakistan) sebagai mendukung dan mempertahankan warisan Islam dengan hijab mereka. Setelah itu menjelaskan penerimaan mereka mengenai modernisasi bukannya moderniti. Kesimpulan yang di ambil ialah badan-badan dan persatuan wanita Islam Australia seperti Australian Muslim Women's Association perlu melangkah jauh lagi untuk menyelesaikan kesamaran mengenai Islam dan wanita bagi menolak fahaman serong ajaran Islam yang dikatakan ketinggalan belakang serta menggunakan kekerasan ke atas wanita Islam dalam segala hal.

Kaye Haw (2009) dalam artikelnya yang bertajuk "***From Hijab to Jilbab and the myth of British Identity: Being Muslim in Contemporary Britain a Half-Generation On***" menulis tentang bagaimana kepelbagaian budaya (multiculturalism) wanita Muslim Pakistan yang menetap di Britain boleh menyesuaikan diri dan dalam masa yang sama menganggap dirinya sebagai warganegara Britain dengan suasana kehidupan orang-orang Barat di Britain. Kajian yang dijalankan secara kuantitatif iaitu dengan mengagihkan borang soal selidik kepada pelajar-pelajar wanita sekolah swasta dan sebuah sekolah kerajaan negeri perempuan beserta kaum keluarga mereka buat kali kedua selepas 15 tahun berlalu. Ini bertujuan untuk menganalisa semula keadaan mereka yang sebahagiannya sudah menjadi ibu atau bekerja di dalam organisasi khidmat awam ataupun kembali kepada pembelajaran. Mereka dikaji dari segi perubahan dan pertukaran keadaan dan suasana selepas bertahun-tahun berlalu yang berkaitan dengan kepelbagaian budaya terhadap percanggahan dan dilemma mereka sebagai imigrasi dan warganegara. Bagaimana mereka boleh hidup dalam keadaan suasana di luar mereka tidak sama dengan dalaman mereka. Bagaimana mereka dalam dunia kontemporari Britain menyatukan aspek-aspek ini menjadi menarik terutama selepas kejadian 9/11 yang berlaku di Amerika. Cabaran ini lebih dirasai bagi wanita yang berhijab dan berjilbab. Dan hijab seolah-olah mahu membuktikan diri mereka adalah berlainan dan terasing di

antara orang-orang yang lain. Selain itu, penulis juga mengaitkan masalah hijab ini dengan terroris seperti para pengkaji Barat yang lain.

Seterusnya artikel dari Mohd Azhar Abdullah dan Raihanah Abdullah bertajuk "***Peruntukan Undang-undang 'Aurat dan Pakaian Sopan menurut Bidang Kuasa Majlis Perbandaran Kota Baharu-Bandaraya Islam: Satu Huraian'***" (2010). Penulis menghuraikan isu 'aurat ini bukan sahaja menyebabkan kontroversi di negara-negara Barat malah di dunia Islam sekalipun. Konflik 'aurat ini selalunya menyebabkan tragedi yang membabitkan fizikal, mental dan emosi yang mencabar keimanan dan intelektual. Oleh itu, implikasi penutupan 'aurat ini semestinya dipenuhi dengan cabaran dalaman dan luaran. Di Malaysia, penutupan 'aurat bukanlah termasuk polisi utama dalam pentadbiran negara. Tindakan Kerajaan Persekutuan yang memberikan pilihan kepada penguatkuasaan penutupan 'aurat menjadikan ketidakteraturan undang-undang di dalam negara.

Namun, kerajaan negeri Kelantan telah mendahului dan bersungguh-sungguh dalam menjayakan dan melaksanakan undang-undang tersebut melalui Majlis Perbandaran Kota Baharu. Oleh itu, tinjauan kajian yang dibuat adalah mengenai sejauhmanakah aplikasi dan pelaksanaan dalam penutupan 'aurat terhadap premis-premis perniagaan dari sudut latar belakang sejarah, bidang kuasa, tafsiran, sumber dan tahap penguatkuasaan. Dalam artikel ini, penulis menjelaskan dengan panjang lebar peraturan-peraturan penutupan 'aurat wanita dan lelaki, denda dan tindakan yang diambil kepada wanita yang melanggar undang-undang ini dan makna perkataan 'aurat dalam Islam dan sebagainya.

Antara kajian berbentuk disertasi pula ialah "***Looking Beyond the Hijab: An analysis of Muslim Adaptation to French Culture'***", oleh Stephen Michael Croucher (2006) yang mengkaji kesan budaya Islam ke dalam budaya Perancis yang akhirnya tidak berjaya kerana kerajaan Perancis pada tahun 2004 telah membuat resolusi yang menghalang perkembangan Islam terutamanya hijab/tudung kepala di sekolah-sekolah yang menjadi simbol kepada agama dan budaya Islam yang bertentangan dengan konsep sekular yang diamalkan di Perancis. Akibatnya, lelaki dan wanita muslim Perancis membantah untuk menegakkan hak-hak mereka dan membina masyarakat rakyat muslim Perancis. Kajian ini dibuat khas untuk melihat kesan-kesan dari resolusi 2004 terhadap kebudayaan Islam ke atas budaya Perancis.

Dengan itu, kondisi muslim dan non-muslim Perancis berada dalam keadaan identiti yang kritikal dan tekanan berat ke atas mereka supaya menerima dan menyesuaikan diri dengan keadaan di sana. Komuniti

muslim Perancis telah menjawab tekanan mereka itu dengan menutup pintu yang menuju ke arah mereka dari pengaruh luar. Lebih dari itu, Islam sebagai agama yang sedang mengalami transformasi dari agama yang bersifat mistik kepada agama bersikap perspektif. Akhirnya, analisis-analisis ini memerlukan persatuan melahirkan suara dan pendapat masing-masing dari kedua-dua belah pihak iaitu pendatang luar Muslim ke Perancis dan kerajaan Perancis dalam menyatukan praktikal keagamaan dan menyelesaikan masalah komunikasi ini dengan damai dan persepahaman.

Antara disertasi lain yang boleh juga dirujuk ialah *“A Deveiling Narrative Inquiry: Entry and Agency in Body Stories of Muslim Girls”*, oleh Manal Hamzeh Al Samadi (2007), menceritakan perjalanan penulis untuk mencari keadilan sosial dalam kehidupannya yang panjang, bergelut dengan masalah dan perbincangan hijab di dalam budaya Islam Arab. Beliau telah menemuramah 4 gadis berumur 15-17 tahun yang menetap di kawasan penempatan muslim di barat daya sebuah pinggir/semipadan Bandar di Amerika Syarikat mengenai pandangan dan bagaimana mereka bertukar-tukar fikiran terhadap pemakaian hijab Islam. Kajian ini mengambil masa selama 6 bulan dengan menggunakan metode lapangan kesemuanya. Kesimpulan yang didapati ialah i) tinggal bersama komuniti muslim tempatan dan melalui penjaga gadis-gadis ini menjadikan kehidupan terasa unik, sulit dan tidak tetap. ii) Gadis-gadis ini menunjukkan betapa sukarnya untuk menyesuaikan diri dengan masalah hijab yang menyebabkan mereka terhalang dari mendapat peluang untuk belajar. Gadis-gadis ini juga menunjukkan tentangan mereka mengenai masalah hijab ini dan menyingkap semula permasalahan ini dengan menceritakan pengalaman yang berbagai bentuk dan cara.

Terdapat juga disertasi lain bertajuk *“Veiled Voices: Muhajabat in Secular Schools”*, oleh Jawairriya Abdullah Shahid (2008). Ia adalah satu kajian yang berbentuk kualitatif menggunakan metode temubual, observasi secara langsung dan gambar-gambar yang berkaitan dengan kajian. Mengisahkan 6 orang penuntut wanita yang belajar di sekolah sekular merasakan pelbagai pengalaman bagaimana mereka dijadikan bahan tontonan dan ejekan disebabkan oleh hijab yang dipakai dan berbeza dengan penuntut yang lain. Pengalaman besar mereka ialah ketika mereka mahu diterima belajar oleh pihak sekolah dan dalam masa sama memastikan hijab mereka juga terjaga adalah suatu yang amat sukar. Setiap hari mereka berasa seperti orang asing, parutan yang

menjijikkan, malu dan sentiasa bimbang dengan identiti yang mereka bawa.

Menurut kajian dari perspektif sosiologi dan psikologi yang relevan, wanita dewasa muhajabat dibenarkan menghadiri sekolah sekular. Untuk memahami mengapa mereka memilih untuk berhijab, satu kajian mengenai sejarah hijab dan ajaran Islam mengenai hijab telah diterangkan dahulu.

Teori dari sudut sosial dan psikologi memainkan peranan yang sangat penting untuk memberikan keterangan yang jelas bagaimanakah pengalaman dan kesan yang diterima ke atas fizikal dan emosional responden.

Permasalahan dan perbincangan hijab telah muncul sejak 10 tahun yang lalu. Negara seperti England, Perancis, Canada dan Amerika Syarikat adalah antara Negara yang terbabit dengan kerajaan dan rakyatnya secara kritikal dari sudut sosial dan politik. Mereka ingin menentukan apakah peranan hijab dalam masyarakat mereka. Samada mereka berasa bimbang dari sudut keputusan politik atau implikasi ke dalam masyarakat sosial mereka. Para ilmuan telah banyak menulis dan berdebat dan bertemu dengan satu penyelesaian iaitu mereka tidak boleh memperlekehkan dan menafikan hijab dan peranannya dalam masyarakat Eropah dan Barat.

Seterusnya, buku **“Sejarah Tamadun Islam”**, karangan Ibnu Kathir terjemahan Bahasa Melayu (2005), ms: 235-238, boleh dirujuk bagi mendapatkan maklumat tentang ‘ayat hijab’ yang masyhur itu adalah surah Al-Ahzab:53-54 yang diturunkan pada tahun ke-5 hijrah, ketika selepas majlis perkahwinan Rasulullah s.a.w. dengan Zainab binti Jahsh. Hadith ini telah diriwayatkan oleh Bukhari, Muslim, Tirmidzi dan Nasa’ie. Di sinilah yang dikatakan ayat hijab yang khas diturunkan buat para isteri Rasulullah saw. Kalimah hijab di sinilah yang dimaksudkan tabir kerana Rasulullah s.a.w. menurunkan tabir yang menjadi penghalang baginda dengan isteri-isterinya dan muslimin ketika itu.

Di dalam buku **“Tafsir Mubin”**, karya Salahuddin Abdullah dan Omar Khalid (2009), dalam tafsiran surah An-Nur ayat 30-31, menerangkan bahawa masalah hijab sebenarnya telah dimulakan dari ayat 27 lagi hinggalah ayat 31. Dalam huraianya menjelaskan yang bermula dari ayat 27, tidak membenarkan tuduhan tanpa asas kepada wanita yang baik dengan menyebutkan balasan azab yang sangat berat jikalau melanggar larangan tersebut. Berlakunya tuduhan itu adalah berpunca dari pergaulan bebas di antara lelaki dan wanita yang datang berkunjung



dengan bebas di waktu sunyi. Maka Allah SWT memberi arahan dan panduan supaya meminta izin terlebih dahulu dan memberi salam.

Al-Qurtubi menyatakan; “Meminta izin dan memberi salam adalah lebih baik daripada kamu masuk menerpa dengan cara mengejut atau memberi hormat mengikut tradisi jahiliyyah yang biasa menyebut “selamat pagi/petang/malam” ketika tuan rumah sedang beristirahat dan menunaikan keperluan suami isteri. Dalam ayat 28 pula Al-Qurtubi menyebut; “Ini adalah amaran supaya jangan dilakukan kerja suka mengintip keadaan rumah orang lain”. Mengenai ayat 29, dibenarkan memasuki kediaman yang tidak didiami oleh orang tertentu khususnya yang ada keperluan kamu padanya, seperti kediaman awam, hotel dan rumah-rumah persinggahan - (Al-Qurtubi). Dan ingatlah Allah SWT mengetahui apa yang zahir dan apa yang kau sembunyikan. Abu Suud berkata, ini adalah amaran buat orang yang suka masuk ke tempat kediaman awam dengan tujuan melakukan bencana atau mengintip atau mengintai aurat dan kehormatan orang lain.

Sebagaimana mufassir yang lain, sebab turunnya ayat 30, juga dinyatakan kerana tidak menjaga pandangan maka berlakulah insiden yang tidak diingini oleh seorang lelaki di hayat Raslullah s.a.w. Lalu diturunkan ayat hukum menundukkan pandangan lelaki dan wanita kerana dalam nuzul ayat di atas, kedua-duanya bersalah. Dalam ayat 31, dinukilkan pandangan Ibnu Kathir mengenai aurat yang tidak dapat disembunyikan. Ibnu Mas’ud seperti di dalam rujukan yang lain juga telah menukilkan pendapatnya mengenai pembahagian makna perhiasan. Juga pendapat ‘ulama lain yang bersepakat bahawa bulatan muka tidak termasuk dagu dan dua tapak tangan dibenarkan (rukhsat) terbuka hatta ketika solat sekalipun adalah hudud hijab wanita. Dan di sini kebenaran melihat antara sesama wanita dijelaskan dengan ringkas.

Manakala dalam jilid ke-5 pula, ia membahaskan tentang surah Al-Ahzab, ayat: 59, yang mana adalah penyempurna/mukammil ayat 30-31 surah An-Nurr. Di dalam buku ini, riwayat Al-Tabari daripada Ibnu ‘Abbas menjelaskan bahawa Allah SWT memerintahkan supaya wanita melabuhkan kain tudungnya menutupi wajah. Walaubagaimanapun, hukum wajib ini terdapat perselisihan pendapat.

Pada ayat 59-60, surah Al-Ahzab, dinamakan sebagai ayat batasan kemuliaan diri. Dua perbahasan dikemukakan di sini. Pertama, melalui pengertian kalimah “jilbab” dan “yudniina” (mendekatkan jilbab). Kedua; Asbabun Nuzul ayat ini. Dalam ayat ini juga, tindakan keras lagi berat dikenakan bagi mereka yang tidak menghormati undang-undang Islam

yakni Al-Qur'an yang melarang gangguan ke atas wanita di jalan-jalan dan di lorong-lorong dan di mana-mana jua sahaja.

Di sini juga ayat khas (32-33 surah An-Nurr) yang diwajibkan ke atas Ummahatul mukminin iaitu isteri-isteri Rasulullah s.a.w., diperkuatkan lagi dengan ayat 53 surah Al-Ahzab yang terkenal dengan nama "ayat hijab" dan larangan tabarruj ke atas seluruh wanita muslimah. Diakhiri dengan perbincangan masakini seperti kehadiran dan penyertaan wanita secara aktif dan bebas dalam masyarakat, fatwa-fatwa, pengertian istilah 'aurat' dan kewajipan sebenar dalam menyampaikan hukum sebenar hijab kepada seluruh muslimah atau menyembunyikannya dari pengetahuan mereka? Kekuatan buku ini terletak pada jawapan-jawapan mantap terhadap kritikan dan serangan musuh Islam mengenai faktor dan falsafah penemuan hijab wanita dalam masyarakat Islam.

Dalam buku "*Al-Mar'ah bayna Al-Fiqh wal Qanun*", tulisan As-Sibaee, M. (2003), rujukan hanya dibuat pada awal bab penulisan yang berkaitan dengan sejarah hijab dan wanita pada bangsa-bangsa kaum Yahudi, Yunani, India Lama, Iran Kuno, Rom dan Arab Lama. Boleh dikatakan keadaan dan kedudukan wanita-wanita kaum tersebut hampir sama yang dihina dan dianggap keji oleh masyarakat kaum lelaki. Kejatuhan empayar besar Yunani dikatakan berpunca dari wanita yang tidak lagi menjaga kemuliaan diri dan meninggalkan pemakaian hijab mereka. Wanita dijadikan barang dan alat dan tiada hak dan undang-undang tertentu untuk dipertahankan malah mereka tidak dianggap sebagai manusia. Mereka dicipta hanya untuk mentaati lelaki dan terkongkong dan terpenjara di rumah-rumah mereka. Maka hijab yang dicipta oleh bangsa Eropah ketika itu yang biasanya diamalkan oleh wanita-wanita kelas atasan adalah mengongkong dan menghalang mereka dari keluar dari rumah dan boleh dikatakan konsep hijab mereka sebenarnya untuk mengengkang kebebasan wanita di luar rumah terutama ketika wanita dalam keadaan haidh.

Penulis menerangkan setelah era kegemilangan Yunan moden, wanita mula bergaul campur bebas dengan lelaki dalam masyarakat, natijahnya tersebar luaslah kerosakan dan kehancuran akhlak, sehinggakan amalan zina menjadi sesuatu yang makruf berleluasa dalam pemerintahan politik dan peradaban. Mereka juga tidak cukup dengan penzinaan yang berleluasa malah hubungan liwat antara lelaki juga berlaku di mana-mana jua. Bermulalah pemujaan patung-patung bogel sebagai simbol seni, sastera dan agama dan sebagai tuhan-tuhan mereka seperti Tuhan Aphrodite dan Tuhan Cupid. Penulis membuat perbandingan antara hijab yang mereka cipta dengan hijab Islami dan

membuat perbezaan kedudukan dan nilai wanita di Barat dengan kehormatan dan kedudukan tinggi wanita di sisi Islam.

Abdallah, I.M dalam bukunya yang bertajuk “*Shocking scenes of Islamic History*” (1896) terjemahan versi Farsi (Sahnehye Tekan Dahandeh dar Islam) dari kitab asalnya “Mawaqifu Himasah fi Tarikhil Islam, menulis, sejarah juga menunjukkan penyebaran agama langit Masihi pada zaman ‘kegelapan’ kurun pertengahan berkembang luas apabila pihak-pihak gereja mencampurtangani dalam menyelesaikan masalah hamba-hamba abdi yang akhirnya mendapat kebebasan dalam perkahwinan dan anak-anak mereka dinasabkan kepada bapanya dan berhak mewarisi tanah-tanah milik mereka pada akhir pertengahan kurun ke-12. Buku ini dijadikan rujukan pada bahagian bab yang akhir yang berkaitan dengan keadaan hamba-hamba wanita di Empayar Rom ketika itu yang tidak mempunyai hak dan undang-undang khas buat mereka dan dilayani sesuka hati.

*Jilbab Al-Mar’ah Al-Muslimah fil Kitab was Sunnah*, tulisan al-Albani, (cetakan kedua 1994). Membahaskan makna hijab dalam kedua-dua surah An-Nurr, ayat:30-31 dan Al-Ahzab ayat 59. Beliau mengetengahkan pendapat dua golongan mengenai hijab, golongan pertama yang mewajibkan pemakaian hijab menyeluruhi badan dan golongan kedua mewajibkan pemakaian hijab menyeliputi seluruh tubuhbadan kecuali wajah dan dua tangan hingga pergelangan tangan dengan membawakan 13 dalil hadith dan riwayat. Beliau berpendapat golongan kedua yang dimaksudkan dalam Al-Qur’an, namun sekiranya wanita itu sendiri yang memilih hijab keseluruhan badan adalah “ahsan dan afdal”. Sedikit sejarah pemakaian hijab wanita awal Islam juga disentuh untuk membuktikan pemakaian hijab wajib setelah turunnya ayat hijab, terutama mengenai Ummahatul Mukminin di zaman hayat Rasulullah s.a.w..

Di dalam buku “*Tafsir Ayatul Ahkam*” (1999) tulisan As-Saboni, jilid satu dan dua, merujuk keadaan sejarah wanita di awal Islam di bawah tafsiran ayat 30-31 surah An-Nurr. Ia menjelaskan tentang hukum hijab dan pandangan non-mahram kepada ajnabi, menolak tanggapan bahawa wanita di awal Islam tidak mengamalkan hukum hijab yang telah diwajibkan ke atas mereka. Mengemukakan pendapat dua golongan; pertama, yang menyokong hijab seluruh tubuh adalah pendapat ‘ulama salaf dan kedua adalah mereka yang mewajibkan pemakaian hijab seluruh tubuh kecuali wajah dan dua tangan hingga pergelangan tangan adalah ‘ulama mutajaddidin dan dinamakan bid’ah. Dan pada ayat 59 surah Al-Ahzab membahaskan makna dan maksud jilbab dan kalimah yudnina

selepas menerangkan maksud khimar yang juga dalam perbahasan ayat 30-31 surah An-Nurr. Seperti penulis yang lain, ayat 59 surah Al-Ahzab adalah penyempurna ayat pemakaian hijab muslimah dalam ayat 30-31 surah An-Nurr. Penulis juga mengetengahkan segala permasalahan hijab dan yang berkaitan dengan wanita serta memperkenalkan isteri-isteri Nabi s.a.w. sebagai wanita mulia yang patut dicontohi.

### **Penutup**

Dari kajian dan tinjauan literatur di atas, jelas kepada kita bahawa ayat-ayat al-Quran mengenai hijab ini telah mendapat perhatian para alim ulama, sejak dari zaman awal Islam hinggalah zaman kini. Terdapat perbahasan dalam kalangan para ulama dan cendekiawan yang memberikan pelbagai penjelasan terhadap kaedah pemakaian hijab tersebut. Hampir majoriti para ulama sependapat mengenai kewajipan menutup aurat yakni berhijab di kalangan wanita Muslim, namun terdapat perbahasan terutama apakah had dan batasan-batasan hijab tersebut yang boleh disepakati. Apapun yang diperdebatkan, ayat al-Quran mengenai hijab adalah jelas menuntut wanita untuk menutup aurat dengan sempurna demi menjaga dan membela maruah diri seseorang. Jelas, kedatangan Islam adalah untuk memberikan perlindungan kepada wanita dan menjadikan mereka lebih dihargai di dalam agama dan juga di dalam kehidupan bermasyarakat.

### **Rujukan**

- Alon Harel (2007), "*Regulating Modesty-Related Practices*", Law and Ethics of Human Rights.
- As-Siba'ee (2003), *Al-Mar'ah bayna al-Feqh wa al-Qanun*, Kaherah, Darussalam.
- Brigette Jelen (2011), "*Educated, Independent, and Covered: The Professional Aspirations and Experiences of University Educated Hijabi in Contemporary Turkey*," Women's Studies International Forum.
- Haleh Afshar (2007), "*Can I see your hair: Choice, Agency And Attitudes: The Dilemma of Faith and Feminism for Muslim Women Who Cover*", Journal of Ethnic and Racial Studies.
- Julia Droeber (2003), "*Woman to Woman - The Significance of Religiousity for Young Women in Jordan*", Women's Studies International Forum 26(5): 409-424.

- Kaye Haw (2009), *From Hijab To Jilbab And The Myth Of British Identity: Being Muslim In Contemporary Britain A Half Generation On*, University of Nottingham, UK- Race Ethnicity And Education.
- Muhammad Naseruddin Al-Albani (1994), "*Jilbab Al-Mar'ah Al-Muslimah fi Al-Kitab wa As-Sunnah*"; Al-Maktabah Al-Islamiyyah Dar Ibn Hazm, Beirut.
- Naseem Akhtar Hussain (2010), "*Religion and Modernity: Gender and Identity Politics in Bangladesh*", Women's Studies International Forum.
- Ruliana (2010), "*Motivasi Siswa Memakai Jilbab di Sekolah- SMA ISLAM KEPANJEN MALANG*". (Diskripsi untuk memenuhi Sarjana Jurusan Pendidikan Islam (S.Pd.I)). Indonesia: Universitas Islam Negeri Maulana Malik Ibrahim Malang.
- Sagy Maayan (2008), "*Islam and the European Legal Systems: The Headscarf Debate in France And Germany As A Case Studies*", Helmut Kohl Institute for European Studies, The Hebrew University of Jerusalem.
- Santi Rozario (1999), "*On Being Australian And Muslim: Muslim Women As Defenders Of Islamic Heritage*." Department of Sociology and Anthropology, University of Newcastle, Australia.
- Sara Javadi Faraz (2008), "*The History and the Politics of the Hijab (veil) in Iran*", (Master Dissertation) Universiti Putra Malaysia.
- Ssenyojo, M. (2007), "*The Islamic Veil and Freedom of Religion, The Rights to Education and Work. A Survey of Recent International and National Cases*." Oxford University Press.
- Tabassum F.Ruby (2005), "*Listening to the voices of Hijab*", Canada, Toronto, Department of Women's Studies, York University.
- Trisha M.Dunkel, Denise Davidson, Shaji Qurashi (2009), "*Body satisfaction and pressure to be thin in younger and older Muslim and Non-Muslim women: The role of Western and Non-Western dress preferences*." United States: Loyola University Chicago.

**Laman Web:**

[http://www.jais.gov.my/index.php?option=com\\_content&task=view&id=98&Itemid=1](http://www.jais.gov.my/index.php?option=com_content&task=view&id=98&Itemid=1).

*Wanita Islam Kontemporari: Isu, Cabaran dan Amalan Terbaik*